

# TNC, HEPA UMS tidak terlibat perhimpunan

UB 24.11.2016 A3

KOTA KINABALU: Tiada penglibatan pegawai utama Universiti Malaysia Sabah (UMS) atau mana-mana kakitangan UMS dalam Perhimpunan Bersih 5.0 yang berlangsung di beberapa kawasan di sekitar Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Bahagian Perhubungan Korporat UMS dalam satu kenyataan menjelaskan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Madya Dr Ismail Ali ke salah satu lokasi Perhimpunan Bersih 5.0 adalah sebagai memantau penglibatan dan pergerakan pelajar UMS dalam sebarang aktiviti perhimpunan itu, dan bukan sebagai tanda sokongan kepada agenda Bersih 5.0.

Kenyataan ini adalah susulan daripada satu posting di laman Facebook yang menyatakan tentang kehadiran salah seorang TNC UMS dalam Perhimpunan Bersih 5.0 di Sabah.

Laman web dan

Facebook rasmi UMS juga telah memuatnaik semula Pekeliling Khas Naib Canselor Berhubung Larangan Penglibatan Kakitangan dan Pelajar UMS dalam Perhimpunan Haram sehari sebelum berlangsungnya Perhimpunan Bersih 5.0.

Ia sebagai peringatan semula kepada warga UMS agar tidak menyertai mana-mana perhimpunan yang tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa dan dikhawatir boleh menjadikan ketenteraman awam serta menggugat keselamatan negara.

Justeru, universiti akan mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana pelajar yang terlibat dalam perhimpunan haram sekiranya cukup bukti berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.